

Ruangan ini kali ini dibuat istimewa kerana sesudah dicetak Kopi Pahit biasa maka datang berita-berita khas berkenaan muzakarah agama yang diadakan oleh Persatuan Islam se-Malaya (PAS) di Kepala Batas oleh pencinta ruangan ini yang di antaranya ada daripada orang yang memegang jawatan yang utama di dalam PAS.

Kalau diperhatikan gambar-gambarnya yang tertera di muka tengah maka boleh dikata semuanya orang-orang berpakaian haji walaupun di antaranya ada yang belum haji tetapi sudah berserban dengan berjanggut – seolah-olah buat wara' konon! Tetapi untung juga Dato' Onn belum bersama di sana kalau tidak harus juga beliau memakai serban! Mudah-mudahan ia sedikit hari akan memakai serban juga.

\* \* \*

Di dalam muzakarah itu kononnya dihadiri oleh “ulama” yang di antaranya hanya enam orang daripada jemputan-jemputan yang telah dipanggil sebanyak 29 orang. Jadi 14 orang daripada mereka itu semuanya terdiri dari ahli jawatankuasa PAS. Haji Abdullah Fahim dan Ibrahim Aqibi yang menjadi puncanya kedua-duanya tidak hadir dan tidak menghantar wakil.

Konon-kononnya apabila majlis muzakarah itu dimulakan maka caranya adalah demikian. Umpamanya Haji Nawawi berkata: “*Uṣallī* tu sunat mengikut kata guru saya” dan hujahnya itu kemudian dipersetujui oleh ulama itu maka semuanya pun angkat tangan.



## KOPI PAHIT

### ISTIMEWA

Ini nampaknya menjadi suatu temasya yang ramai kerana masalah agama dibawa pakai angkat tangan dan yang dipakai hanya “kata guru saya” sahaja! Kalau begitu kalau satu orang bilang “kata guru saya riba” halal” maka ramai-ramai angkat tangan bersetuju sebab mereka sudah taqlid buat pada “guru saya”. Inilah dia yang merosakkan agama kerana Tuhan tidak perintah kita ikut cakap orang tetapi mesti ikut al-Quran dan al-Hadis wahai orang-orang yang berserban kalau mau cakap beralasan dan keterangan daripada al-Quran dan al-Hadis – kalau tidak lebih baik diam sebab sekarang tidak mau pandang serban lagi tetapi yang didengar orang perkara dan keterangannya sahaja – tidak orangnya!

\* \* \*

Sahabat kita al-Haj Ahmad Fuad tatkala menyatakan tentangan kitab Hadi al-Rasul dikatakan telah berkata yang ia telah tengok Hadi al-Rasul. Semuanya hadis-hadis di dalamnya katanya hadis sahih dan saya aku hadis itu. Kita boleh pakai tetapi dilarang kita, tidak

ambil hukum-hukumnya!” Hadisnya sahih boleh dipakai tetapi tidak boleh ambil hukum-hukumnya – mengapa? Adakah hukum-hukum daripada hadis sahih itu tidak boleh dipakai hukum-hukumnya? Masha Allah – seolah-olah kita melihat orang main songlap:

\* \* \*

Mufti Melaka pula tentang ini berkata jika Hadi al-Rasul tidak menyalahi pada mazhab yang empat hendaklah kita buang! Jadi agama Islam itu ialah agama Shafi'i, Hanafi, Hambali dan Maliki sahaja – tidak agama yang dibawa oleh Rasul dan sahabat-sahabatnya yang pada masa itu tidak ada mazhab. Jadi agama sesudah Rasulullah dan zaman sahabat-sahabat yang berpandu kepada al-Quran dan al-Hadis kerana masa itu tidak ada mazhab itu mesti dibuangkan? Masha Allah! Luaskan dan mudahkanlah pengertian tuan-tuan kepada makna dan tujuan al-Quran dan al-Hadis dengan fahaman yang semudah-mudahnya – tidak dengan fahaman yang menghilangkan pangkal lalu berpusing ke lain!

\* \* \*

Di dalam Radio Malaya halaman pemuda pemudi sama ada disengaja atau tidak, nampaknya mau main-main yang boleh menghina agama dengan mengatakan bahawa kemunduran anak-anak Melayu di sekolah Inggeris disebabkan mereka mengaji al-Quran di rumah! Ini satu penghinaan dan satu seruan mulhid: kalau

mereka itu tidak suka mengaji al-Quran atau tidak mau beragama – jadi orang mulhid – silalah! Tetapi jangan sentuh agama kerana banyak orang-orang Islam lain yang pandai dan bijak sedang mereka itu hafaz al-Quran. Di dalam ini yang menyedihkan ialah kecuaiannya Radio Malaya kerana seolah-olannya menyebarkan radio itu menjadi sasaran “anti Islam”! – Cemeti al-Faruq.

---

Ṣāhib al-Samāḥah Tuan al-Said Alwi bin Tahir al-Haddad, mufti kerajaan Johor, telah bermurah hati melawat pejabat Qalam pada hari Jumaat 16 Januari yang lalu kerana melihat cara-cara Qalam dan buku-bukunya diterbitkan.

---